>> Setelah selesai memberi kata-kata permulaan, sesi berkenalan telah dilakukan. Dianggarkan secara kasarnya, mereka yang hadir pada ketika ini adalah dalam jumlah 30 orang. Setelah masing-masing selesai memperkenalkan diri, saudara Faisal meminta rakan dari Food Not Bombs Kuala Lumpur (FNBKL) iaitu saudara Ted memberi penjelasan serba sedikit tentang FNBKL. Dan penerangan tentang FNBKL ini turut diterangkan oleh saudara Pudin. Berlaku beberapa soal jawab tentang FNBKL pada saat ini. FNBKL merupakan kolektif yang wujud seawal tahun 2000.

2.30 petang

>> Kemudian, wakil pengajur bersama dari Uda Thrasher Conspiracy Collective (UTC) iaitu saudara Ayeh memberikan sedikit penjelasan mengenai UTC. Penjelasan daripada saudara Ayeh tersebut sekali sekala diceiahi penjelasan daripada saudara Isma dan juga saudara Dhani Ahmad yang juga mewakili UTC. Tidak banyak yang dijelaskan oleh mereka dan tidak banyak soalan yang dikemukakan kepada UTC. Penjelasan mereka hanya memakan masa lima minit sahaja. UTC merupakan kolektif yang baru diwujudkan pada awal tahun ini [2003] yang berpusat di Bandar Baru Uda, Johor. Pernah menjayakan beberapa aksi langsung dan pernah menganjurkan sebuah Gig Pesta Thrash.

NEWSLETTER:

PUBLIC CHAOS: newsletter ini sebelumnya dikenali sebagai BOMBER NATION dan sekarang bertukar menjadi PUBLIC CHAOS newsletter telah meriliskan 3 isu kesemuanya. Contact: x adziziex, 358, Jalan Datuk Ajibah Abol, 93400, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: xrenggox@hotmail.com

MODUS OPERANDI: baru meriliskan isu pertamanya yang membincangkan tentang buruh kanak-kanak atau 'Child Labour' pada awal tahun 2003 ini. Nantikan isu keduanya. Contact: Ejan, 340, Jalan Abang Ateh, 94300, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: freethechildren@yahoo.com

SINARITTA: newsletter ini juga baru meriliskan isu pertamanya yang bertajuk 'Mengenali Muzik Hardcore'. Isu keduanya mungkin mengambil masa yang agak lama untuk diriliskan. Kita tunggu! Contact: xadekx, No. 359 Jalan Datuk Ajibah Abol, 93400 Kuching Sarawak, Malaysia. Atau email :- xaredeckx@yahoo.com

SERAM: newsletter ini telah membincangkan banyak isu pada keluaran pertamanya dan mungkin akan mengeluarkan isu 2 tidak lama lagi. Contact: Haizan, 2436, Lrg C3, RPR Fasa II, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia. Email- seramcore@hotmail.com

THE OPPRESSION: newsletter ini telah menghasilkan isu keduanya baru-baru ini. Penulisannya agak simple dan bermaklumat. Isu 3 mungkin akan datang. Contact: Frizuan/Boi, 2429, Lorong C3, RPR Fasa 2, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: hardcore_attack@hotmail.com

TRUVOX MACHINE: isu pertamanya seperti yang diketahui telah banyak menimbulkan kontroversi isu keduanya pun aku tak tahu bila lagi nak rilis. Contact: Salim, No 176, Batu 10, Jalan Matang, 93050, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: kokojumbo@hotmail.com

WAYFARER: newsletter paling terbaru di Kuching dan ada potensi untuk membuat newsletter yang baik dan bernas. Tunggu isu keduanya. Contact: Mat, 2307, Lorong C8, RPR Fasa II, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: xdopangx@yahoo.com

KUCHING SXE YOUTH CREW: newsletter yang memaparkan perkembangan terbaru tentang kolektif KUCHING STRAIGHT EDGE YOUTH CREW. Contact: Ejan, 340, Jalan Abang Ateh, 94300, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: freethechildren@yahoo.com

ZINES:

MEE CORELOCK: zine ini sudah meriliskan isu pertamanya tapi zine ini sekarang senyapbuat sementara waktu. Kita nantikan kemunculannya. Contact: xadekx, No. 359 Jalan Datuk Ajibah Abol, 93400 Kuching Sarawak, Malaysia. Atau email :- xaredeckx@yahoo.com

KECAMAN: setelah berjaya dengan experimental isunya kini muncul dengan isu no.1. Sesuai dibaca oleh punk, skins dan semestinya hardcore. Contact: x adziziex, 358, Jalan Datuk Ajibah Abol, 93400, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: xrenggox@hotmail.com

WRENCH: zine ini juga telah meriliskan experimental isunya dan kita tunggu kemunculan isu pertamanya, memuatkan underground DIY hc/punk, metal dan sukan BMX. Contact: – Mohd. Shahriel, 65, Kampung Tupong Tengah, 93050, Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: weckyriel@hotmail.com

SERAM: zine open minded ini telah meriliskan isu keduanya baru-baru ini. Sila dapatkannya. Contact: Ikhwan Shafani, 2307, Lrg C8, RPR Fasa II, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: mu_aka@hotmail.com

FIRESTORM: zine ini pulak baru sahaja meriliskan isu pertamanya dan ia sedang dibaca oleh korang sekarang. Contact: Haizan, 2436, Lrg C3, RPR Fasa II, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia. Email- seramcore@hotmail.com atau Contact: Frizuan/Boi, 2429, Lorong C3, RPR Fasa 2, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: hardcore_attack@hotmail.com

LAIN-LAIN:

Di sini kami ada menubuhkan satu kolektif yang diberi nama Kuching sXe Youth Crew. Tujuan kolekti ini ditubuhkan ialah untuk menyebarkan scene hc dan sXe di sini. Selain itu juga kami juga meriliskan zine, newsletter, demo, dan lain-lain lagi di atas nama kolektif ini. Jika ada sesiapa yang berminat untuk meriliskan stuff mereka di dalam kolektif kami sila hubungi: Haizan, 2436, Lrg C3, RPR Fasa II, Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia. Email- seramcore@hotmail.com atau Ejan, 340, Jalan Abang Ateh, 94300, Kuching, Sarawak, Malaysia. Email: freethechildren@yahoo.com

Itu sahaja laporan ringkas aku mengenai scene hc/punk di Kuching. Jika nama band yang lupa aku nyatakan disini, sila hubungi aku dan maklumkan tentang band, newsletter, zine anda. Diingatkan supaya email dahulu band, newsletter, zine yang anda hendak hubungi sebelum anda menulis surat kepadanya. Kerana ia akan mempermudahkan proses anda.

"CHAOS KUCHING CREW"



UTC/NOSC : MINI_GIG

dan juga

PERJUMPAAN KEARAH KEAMANAN [part II] berjalan dengan lancar dan jayanya.

NOSC dan UTC mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan aktiviti dua hari yang telah kami rancangkan. TERIMA KASIH kepada anda semua.

LAPORAN: Dhani Ahmad

AKTIVITI: UTC/NOSC : Mini_Gig

TEMPAT : Hello Jamming Studio, Larkin Jaya

TARIKH : 7 JUN 2003 [Sabtu]

MASA : 2ptg - tamat

HARGA : RM3

Aktiviti diy anjuran bersama Uda Thrasher Conspiracy (UTC) dan Network Of Solidarity Collective (NOSC) ini berlangsung tepat jam 2.00 petang dimana kesemua band-band yang akan membuat persembahan telah berkumpul kesemuanya dan juga kehadiran ramai rakan-rakan untuk sama-sama memeriahkan acara ini. Setiap band dikenakan bayaran sebanyak RM10 dan setiap individu yang ingin menikmati aktiviti hari ini juga dikenakan bayaran sebanyak RM3 setiap seorang. Bayaran yang dikenakan ini adalah bertujuan untuk menanggung kos sewaan studio secara bersama-sama. Ramai rakan-rakan yang datang untuk menjayakan acara ini rata-ratanya datang daripada Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan penduduk tempatan Johor.

GOOD 4 NOTHING menjadi band pembuka acara. Band yang dianggotai oleh 4 orang anak muda ini datangnya dari negeri asal Johor membawa beberapa buah lagu yang berirama hardcore pantas. Band seterusnya merupakan sebuah band punk/harcore lompat yang datangnya dari Shah Alam, Selangor. Dianggotai oleh 3 orang anak muda ini menggelarkan kumpulan mereka dengan nama JAHAT. Mempersembahkan banyak lagu-lagu bertenaga yang mana diselit penerangan tentang lirik disetiap lagu yang dibawakan. Muzik yang mereka bawakan adalah old school hardcore. DUMBFUKKERS adalah band baru yang datangnya dari Johor Bahru,Johor mengambil tempat yang seterusnya. Band yang dilengkapi oleh 4 orang jejaka ini membawa banyak lagu yang berkonsepkan new school hardcore. Diperkuatkan dengan gabungan suara dua orang vokalis saling melengkapi setiap lirik yang disampaikan. NATRAH,band seterusnya mengambil posisi mereka untuk aktiviti tersebut. Band yang datangnya dari Jerantut, Pahang ini merupakan band yang paling jauh datang untuk menjayakan acara bersama ini. Dianggotai oleh 6 orang anak muda yang membawakan beberapa buah lagu yang sangat bermutu. Membawakan musik berentak emotional hardcore dengan gabungan irama dan lagu yang mantap telah memukau pendengar yang datang. ANIAYA 57 mengambil tempat mereka yang seterusnya. Band yang datangnya dari Bandar Baru Uda, Johor ini membawakan musik punk hardcore pantas atau lebih dikenali dengan musik thrash. Dianggotai oleh 4 orang remaja yang sangat berbakat. Band susulan seterusnya adalah band ANTI-THESIS yang juga datangnya dari Johor Bahru,Johor. Dianggotai oleh 5 orang anak muda ini membawa musik yang agak pelbagai. Ada lagu yang dimainkan dengan pantas dan ada juga lagu yang dimainkan dengan perlahan. Secara kasarnya, band ini membawa musik sludge hardcore. Kepakaran mereka menguasai peralatan musik sangat terserlah. Kemudian, band yang datangnya dari Klang, Selangor mengambil tempat. Band SUARA ANAK MUDA ini dianggotai oleh 4 anak muda yang benar-benar muda. Kombinasi tenaga muda mereka ini sangat terserlah dengan kepantasan musik yang mereka bawakan iaitu musik berentak power voilence. Kelajuan musik yang mereka bawakan mencecah kelajuan 450km/j. Sangat laju. Dan band terakhir yang membuat persembahan pada hari tersebut adalah band

IN ONE HOUR FORWARD. Band yang dianggotai oleh 3 orang anak muda ini datangnya dari Taman Melawati, Kuala Lumpur merupakan satu-satunya band akustik yang membawa musik yang sangat perlahan pada hari tersebut. Dilengkapi oleh hanya seorang gitaris dan dua orang vokalis. Kombinasi tiga orang anak muda ini membawa irama pop-scream-rock.

Setiap band diperuntukkan masa selama 30 minit ini telah membawa aktiviti hari ini tamat tepat jam 5.30 petang.

TAMAT.

LAPORAN: Dhani Ahmad

AKTIVITI:PERJUMPAAN KEARAH KEAMANAN [part II]

TEMPAT : Taman Rekreasi Hutan Bandar, JB

TARIKH : 8 JUN 2003 [Ahad]

MASA : 2ptg - tamat

HARGA : Percuma

Pada 13 May 2001 yang lepas,Network Of Solidarity Collective telah pun berjaya menganjurkan satu gathering FNB/Free Foods se-Malaysia buat kali pertamanya yang dinamai sebagai **Perjumpaan Kearah Keamanan**. Gathering yang dijayakan itu hanyalah gathering yang dijalankan dengan metod tanya dan jawab (Q & A) yang dilakukan di satu kawasan 'open air' bersebelahan **Sungai Kelantan di Kota Bharu**. Gathering pertama yang dijayakan tersebut turut dihadiri oleh FNBKL,C0-Punx Collective (sekarang dikenali dengan nama FNBPP), Community Coalition Collective dan juga beberapa individu yang datang dari sekitar Malaysia.

Kini,sekali lagi Network Of Solidarity Collective yang bergabung bersama Uda Thrasher Conspiracy menjayakan gathering kolektif se-Malaysia. NOSC dan UTC telah menjayakan gathering pada kali ini dengan menggunakan metod yang sama seperti sebelumnya iaitu metod 'tanya dan jawab' (Q & A) dalam gathering pada 8 Jun 2003 ini yang telah berlangsung di **Taman Rekreasi Hutan Bandar,Johor Bahru**. Struktur persekitaran yang fresh dan **'open-air' menyebabkan pihak penganjur gathering kali ini sepakat untuk menggunakan metod 'Q & A' dalam usaha memperkenalkan organisasi alternatif** ini kepada mereka yang berminat. Dan nama kegiatan haram disisi kerajaan ini juga tetap sama dengan gathering yang pertama dahulu iaitu **Perjumpaan Kearah Keamanan (part II)**.

GENERAL COMMENT STRAIGHTEDGE

i think it's important to understand the reasons why you should be straightedge. there are many similarities between what religions teach, what straightedge teaches, and so on. but if you just go through the motions of what they teach without understanding why you should do what is right, you will waiver. people sell out and start drinking or doing drugs because they don't understand why they shouldn't do them. they just got into straightedge because it was something that sounded cool. i understand why i shouldn't drink, do drugs, smoke, have promiscuous sex, etc. and so it's a lot easier to not do them. not because i'm compelled not to do them because then my friends would think i sold out or because i think i'll go to hell, or whatever. it's a choice that i made with full awareness that it makes me truly happier. i might not really be straightedge, because i found out all these things before i really learned about straightedge. so i did things in reverse. i discovered that i shouldn't drink or smoke or do drugs or have promiscuous sex–and i feel strongly about animal rights, but i did this all through bad experiences and thinking about things on my own. and then i found out that straightedge stands for these things. i think there's a lot of kids who are straightedge because it's a trend they're following, and then they'll move on to other ways of thinking when it doesn't suit them anymore. because they don't understand the underlying reasons you should follow it. whether you stay straightedge or move on to something else, those reasons will still be there and the fact that they are the best way to live life won't change. if straightedge were completely gone from the earth tomorrow, those reasons would still be there. and people would still find the reasons why you should live your life this way, it would just have a different name. don't get caught up in labels. if you want to be labeled straightedge, then great, just remember what it stands for. otherwise, you're just another mindless drone that could be labeled any number of labels that happen to be cool at the moment.

sXE AS FUCK!!!



ULASAN JAMMING SESSION

Bands: Rukun 13, The Terraces, dan Kurasakuasa
Tempat: BnB jamming studio
Jam: 4.30 petang sampai 6.00 petang
Anjuran: Kolektif Kuching Straight Edge Youth Crew

Pada 3/6/2003 bertempat di BnB studio berlangsungnya satu jamm session anjuran Kuching sXe Youth Crew Kolektif. Band yang menyertai jamm session ini adalah Rukun 13, The Terraces, dan Kurasakuasa. Acara dimulakan tepat pada jam 4.30 ptg dan Rukun 13 pembuka tirai pada jamming session tersebut. Nampaknya kali ini Rukun 13 beraksi tanpa kelibat vokalis utamanya iaitu Adzizie yang juga merupakan editor Kecaman Fanzine tetapi tempatnya telah digantikan oleh Salim yang merupakan vokalis xRESTARTx. Mereka memulakan persembahan mereka dengan lagu Bangsat iaitu lagu mereka sendiri, dan kemudiannya mereka memainkan kesemua lagu yang terdapat dalam demo mereka seperti Gila, Neo-Nazi Merangkak, Victim of War, Justice dan Chaos Kuching Crew. Mereka ada juga memainkan lagu cover dari Disaster Funhouse dan Pro-Vision. Keseluruhannya persembahan mereka agak biasa saja tetapi ia sungguh happening. Selepas itu tibalah giliran The Terraces sebuah band OI! Yang menjadi band kedua pada jamming session ini. Mereka pula bermain tanpa pemain lead guitar iaitu Fredskin, dan tempatnya digantikan oleh Kojack United Kid of OI! Mereka jugak banyak membawakan lagu mereka sendiri pada hari tersebut dan satu dua lagu cover dari A.C.A.B. boleh dikatan persembahan mereka agak mantap dan bertenaga kerana aku lihat semua skinhead-skinhead yang ada di dalam enjoy habis dengan persembahan mereka. Dan band penutup pada jamming session ini ialah Kurasakuasa. Band ini memulakan persembahan dengan lagu cover dari Banzai 606. mereka juga banyak membawakan lagu-lagu mereka sendiri seperti Topeng Gas, Media Bangsat, Friendship, War Againts War dan banyak lagi kesemua lagu yang dimainkan agak pendek-pendek belaka dan sungguh power dari Power Of Idea (hehe... sorry Gura je). Kelihatan budak hardcore semuanya enjoy ketika kami membuat persembahan. Sehinggakan mereka terlompat-lompat waktu kami tengah main. Tepat pukul 6 acara pun berakhir dan kami pun berduyun-duyun keluar dalam tempat jamming tersebut. Kesemuanya berjalan lancar dan aman. Selepas itu kami pun mengedarkan newsletter kepada sesiapa yang berada di kawasan tersebut dan berkumpul untuk berehat. Nampaknya sudah selesai semua apa yang dirancangkan. Walaupun acara pada kali ini adak befitu simple tetapi ia sesuatu yang baru di Kuching. Mungkin kami akan menganjurkan lagi aktiviti seperti ini dan akan membuatnya dengan lebih terancang dan tersusun. Semoga aktiviti seperti ini lebih kerap kali diadakan disini.



MENGENALI MUZIK HARDCORE

Bermula daripada Duff McKagan hinggalah ke Beastie Boys, kita beralih ke rentak `hardcore`.

Hardcore atau singkatannya HC membawa kelainan dalam muzik yang pernah kita dengar atau mainkan. Ia membuka telinga kita kepada suatu pembaharuan di mana muzik rock itu di pelbagaikan untuk menghasilkan bunyi dan mungkin idea yang lebih agresif.

Menurut Lyle Preslar iaitu pemain gitar utama Minor threat, sesiapa yang menganggap muzik hardcore itu muzik bodoh adalah orang yang tidak mengikuti perkembangan muzik. Semua orang boleh main muzik punk tapi tidak boleh bermain muzik hardcore. Untuk bermain muzik hardcore, seseorang itu perlu tahu apa yang di mainkannya kerana kita tidak bermain sepantas punk. Sebaliknya menggunakan cara yang tersendiri untuk mempersembahkan muzik kepada peminat.

Greg Ginn dari band Black Flag pula berpendapat muzik hardcore bukanlah suatu jenis muzik yang tidak diketahui asal usulnya. Terdapat cerita di sebalik kewujudannya. Hardcore mempunyai pelbagai unsur muzik yang luas dari Jazz hingga kepada pelbagai rentak muzik yang telah diubah suai.

Pada era 80an, muzik hardcore lebih banyak mempromosikan unsur pemberontakan. Rentaknya adalah laju dan dimainkan dalam melodi yang raw. Petikan solo gitarnya juga mungkin di tenggelami oleh bahagian rhythm yang kelam kabut. Ginn mula menubuhkan Black Flag pada tahun 1976. Ginn mula bermain gitar ketika berumur 20 tahun. Sewaktu remaja, Ginn agak lurus bendul dan selalu memendam rasa dan lebih suka duduk menghabiskan masa berangan hendak jadi suprestar. Ginn merupakan seorang peminat Black Sabbath dan The Stooges serta kagum dengan kebolehan dan bakat band The Ramones.

Black Flag mengeluarkan demo berjudul Nervous Breakdown pada tahun 1978. Demo itu di katakan berjaya mempengaruhi sebahagian remaja yang sudah mula bosan dengan muzik punk dan mula mengalihkan perhatian kepada muzik hardcore. Band Mind Power dari Washington DC yang mulanya dengan muzik The Damned dan Sex Pistols mula mengubah haluan mereka apabila mendapati irama hardcore mula mendapat tempat. Gitarist band Mind Power, Dr. Know menerangkan mereka bercadang untuk mengadun muzik George Clinton (Return to Forever) dan menukarkan susunan dan feel lagu itu ke sesuatu yang lebih unik.

KELAJUAN, KEBODOHAN, KEKUIHAN MAT MOTOR

Terbenam sahaja matahari kita dapat dengar pelbagai jenis bunyi enjin yang memekakkan telinga. Korang ingat ni litar lumba, bapak korang suruh ke pakai motosikal tu untuk berlumba. Itu aku tak kisah sangatlah aku bukannya ada dalam senarai wasiat kau nanti tapi perbuatan korang telah mengganggu orang lain di kawasan tu. Mungkin korang ingat orang lain memuji kelajuan motor korang tu tapi adalah beberapa patah perkataan yang amat manis didengar yang korang dapat(kena sumpahlah). Tempat yang mereka(mat motor) selalu rilek, aku tengok tak adalah macam litar lumba. Jalan raya belakang tempat aku tinggal contohnya, tempat tu sebenarnya untuk orang ramai beriadah/beristerihat tapi aku lihat mat dan minah motorlah yang banyak memenuhi setiap sudut tempat tu terkinja-kinja, dengan rambut kuning, pakaian tah apa-apa (teriklan lah pulak). Korang ingat orang buat tempat tu untuk korang berlumba ke, banyak cantik muka korang. Kalau korang accident nanti orang lain jugak yang susah menghantar korang ke hospital, kutip balik bangkai motosikal korang. Apa korang ingat korang tu sapa ha, datuk, datin, y.b. Aku tahulah bapak korang banyak duit tapi tu duit bapak korang bukan korang yang punya, korang hanya tolong menghabiskan duit mereka je. Daripada korang beli spare-part motosikal korang yang dah 'sempurna' tu lebih baik korang isikan tabung kat surau-surau ke ada jugak faedahnya. Aku cakap banyak-banyak ni bukan untuk tabligh korang, sendiri mau ingatlah. Mat motor ni jugak pada fikiran aku bagi mereka malam itu tak ada. Bila berlumba tu bukan sekejap tapi sampai pagi. Camana orang kat kawasan tu nak tidur, kalau bunyi motorsikal korang macam budak kecil mintak susu. Aku tahulah mata korang tu mata burung hantu, tapi tu mata korang. Kalaulah kat rumah tu ada bayi yang sedang tidur kan dah menyusahkan emaknya nak menidurkan bayi itu lagi. Guard kat kawasan tu pun satu jugak kenapa diorang tak report kat polis makan gaji buta betullah. Polis sekarang aku rasa dah naik jemu nak buat rush. Hari ni rush, esok ada lagi yang berlumba. Iklan kat tv pun tak ada hasil, sekadar lawak jenaka saja bagi diorang. Kat iklan ada sebut "Utamakan nyawa anda" tapi mat motor pulak "Utamakan Motor Anda". Aku pun dah bosan nasihat kawan aku yang mat motor jugak (aku bukan mat motor). Jalan raya sekarang seperti taman permainan diorang. Sekali kena bukan nak sedar, kalau dah cacat barulah cari sejadah. Aku pun dah penat nak type lagi ni, makin banyak aku type makin benci aku kat korang nanti (memang pun). Bagi mat motor kat luar sana jangan berlumba kat jalan belakang tu lagi, nanti Mu tak dapat tidur. Selamat bye-bye

Utamakan Nyawa Anda, Ingatlah Orang Yang Tersayang.



9. Apa yang dapat anda katakan tentang scene di Kuching?
Boleh tahan... dengan adanya zine-zine baru dan band-band baru ini akan lebih memeriahkan scene tapi yang menyedihkan ialah unity yang masih belum kuat.

10. Apa pendapat kau mengenai majalah muzik seperti R.O.T.T.W. , Konsert dan sebagainya yang memaparkan scene underground?
Ini bagus kerana ianya lebih senang didapati tetapi yang menjadi masalah ialah mereka mengaut keuntungan dari scene kita. Ini juga dapat menyesatkan mereka dari ke dunia mainstream. Maklumat yang disebarkan juga kadang-kadang tidak betul. Bagaimana pula dengan nasib-nasib zine-zine D.I.Y? ianya turut menjadi mangsa kepada majalah-majalah anak haram ini.

11. Adakah kau minat menonton perlawanan bolasepak di stadium? Jika Sarawak kalah dalam perlawanan bolasepak di stadium apakah aksi yang anda lakukan jika anda berada di stadium?
Ianya bergantung kepada perlawanan. Jika Sarawak kalah disebabkan mutu pengadilan yang kurang baik sudah tentu aku mengganas. Apa yang kita mahukan ialah keadilan. Tapi kalau Sarawak kalah disebabkan mereka kaki bangku, apa nak buat.

12. Bagi kau apa itu gangster? Adakah kau seorang gangster?
Bagi aku.. memang aku seorang gangster dan kau pun seorang gangster. Gang bermaksud kumpulan sudah tentu kita semua ada kumpulan. Contoh kumpulan muzik, kumpulan lepak, tak semestinya gangster itu penjenayah.

13. Bila demo band korang nak rilis?
Mungkin bulan September ni.

14. Future plan?
Its up to future. Tapi aku bercadang untuk merekod album.

15. Kata-kata penutup buat pembaca?
I need your support to keep this band to stay alive. Mana-mana yang nak contact atau fuck jangan malu-malu. Hubungilah aku di alamat ini:
No 60G,
Lorong 3, Taman Sri Emas,
Jalan Batu Kawa,
93250 Kuching, Sarawak.



Mereka merujuk kepada berbagai muzik yang lain juga serta memilih faktor-faktor yang positif untuk diserapkan ke dalam lagu mereka.
Mind Power kemudian menukarkan nama band mereka kepada Bad Brains. Dr. Know berkata yang dia sudah lama bermain bass dan terasa bosan lalu membuat keputusan untuk bertukar posisi di antara satu sama lain dengan Daryl Jenifer. Mereka memainkan kedua-dua instrument serentak, memanipulasikan dinamik pada setiap beat dan ini memantapkan lagi bahagian rhythm band ini. Bad Brains mengeluarkan demo mereka Pay To Cum pada tahun 1979 yang membawa rentak 100% hardcore atau lebih dikenali sebagai "Fastest Rock Song" pada era itu.
Minor Threat dari Washington DC ditubuhkan pada tahun 1980. Lyle Preslar berkata mereka mencurahkan semua idea, teknik dan apa saja lagi yang mereka tahu ke dalam demo mereka yang pertama. Antara pendekatan yang mereka gunakan ialah dengan melajukan tempoh asal muzik rock dan bermain selaju yang boleh. Vokalis Minor threat iaitu Ian Mckaye (sekarang bersama band Fugazi) memainkan peranan yang penting dalam misi mereka untuk menarik perhatian peminat muzik.
Mereka membuktikan kepada pendengar muzik bahawa mereka mampu membawa tenaga dan aliran baru kepada scene muzik iaitu tenaga berasaskan pemberontakan dan penindasan. Ini semua di terangkan di dalam Straight Edge atau sXe. Pendengar muzik mula memberikan perhatian kepada muzik hardcore. Pengaruh besar Minor Threat dan wujudnya rentak hardcore telah di kenali dan di iktiraf oleh peminat muzik keseluruhannya.
Berbalik kepada industri muzik di Los Angeles, Black Flag masih meneruskan epilog perjuangan mereka dan kini kemasukkan Henry Rollins sebagai vokal. Rollins yang sememangnya berdisiplin dan bercita-cita tinggi mula membawa perubahan kepada Black Flag. Band–band baru yang lain seperti Circle Jerk dan Suicidal Tendencies juga mula mempamerkan bakat dan ideologi mereka. Greg Hetson, gitaris Circle Jerk dan kemudiannya Bad Religion menyatakan terdapat berbagai rangkaian di antara setiap seksyen muzik di arena underground ini. Bad Religion di sifatkan sebagai sumber inspirasi bagi band-band baru seperti The Offspring dan NOFX kerana cara permainan gitar, harmoni vokal dan penulisan lirik yang berkesan.

Masuk ke era 80an, pertambahan band-band yang mengibarkan bendera hardcore ke dalam muzik scene semakin banyak. Contohnya Dead Kennedys (San Francisco), Negative Approach (Detroit), Meat Men (Michigan), Necros (Ohio), Husker Du (Minneapolis), Meat Puppets (Phoenix) dan Poison Idea (Portland). Tahun 1980 hingga 84 merupakan era terpenting di awal kewujudan hardcore.

Jimmy Gestapo dari band Murphy`s Law dari New York mengaggap muzik hardcore di sini lebih menarik kerana New York di penuhi dengan peralatan muzik baru yang mampu mengeluarkan bunyi yang lebih raw dan kemas.

Namun selepas itu, muzik hardcore mula hilang taringnya??? dengan perpecahan Minor Threat dan Black Flag. Bad Brains pula menyepikan diri. Hanya Bad Religion dan Poison Idea yang masih kekal meneruskan perjuangan. Lyle Preslar menyatakan salah satu cara untuk menarik kembali perhatian peminat hc/punk ialah dengan mempraktikkan lebih banyak idea ke dalam penerbitan, khususnya di aspek permainan solo gitar dan vokal harmoni. Lyle Preslar memberi contoh lagu Husker Du, Meat Puppets dan Suicidal Tendencies.

Lyle Preslar yang kini sebagai pengerusi Caroline Records menasihatkan kepada pengikut muzik hardcore bahawa muzik hardcore tidak akan luput dan kita tidak perlu bermain bermati-matian untuk menghidupkan muzik hardcore kerana secara tidak langsung kita menyedarkan dunia yang kita ini tidak mengejar glamour dan publisiti murah, sebaliknya mengangkat martabat muzik hardcore untuk selama-lamanya.





FIST

Interview ini adalah interview aku dengan Bob iaitu tonggak utama dalam band FIST. Mari kita dengar jawapan yang mereka jawab.

1. Perkenalkan diri dan line up anda semua?

Takkan kau tak kenal akulah Bob Ping hero filem tamil dan merupakan kepala dalam FIST a.k.a. BASTARD NEWS. Haa... ni konco-konco aku Atot, Oden Gemuk dan Noh.

Noh: Guitar
Atot: Drum
Oden: Bass
Bob Ping: menyanyi dan guitar

2. Ceritakan mengenai sejarah band anda?

Sejarah bermula dari kerajaan Melaka lagi (aku buat lawak ajela). Kitaorang start band nih pada permulaan tahun 2001. Pada mulanya main Punk Rock tapi terpaksa ditukar ke streetpunk atas arahan M.Nasir.

3. Terangkan jenis muzik yang korang main?

Streetpunklah ape lagi. Tapi ade juga campur irama keroncong dan dangdut.

4. Lirik korang berkisarkan tentang apa?

Berdasarkan apa yang kitaorang perjuangkan, alam sekeliling, isu-isu semasa dan apa yang kitaorang buat.

5. Influences band anda?

Good Old Band like The Blitz, The Partisan, GBH, Angelic Upstart, Vicious Rumors dan banyak lagi. Dan paling best sekali Alcycat dan Black Dog Bone hahaha....

6. Apa pandangan anda terhadap The Bollock (R.I.P)?

Well, they are fucking brilliant!! Sememangnya susah nak tengok band seperti mereka ni sekarang. Kalau ada pun takkan berkekalan dan yang paling menyedihkan ialah bekerjasama dengan kepala bangsat. Bollocks sememangnya ideal terutamanya dari segi lyrics yang mengenai isu-isu semasa. Well ...The Bollocks... salute.

7. Bagi anda adakah hardcore dan punk itu sama? Jelaskan?

Sudah tentu! Band-band awal hardcore pun memainkan muzik punk. Band seperti Gorilla Biscuits, Minor Threat, Youth Of Today, Black Flag semuanya memainkan muzik punk. Ianya dipanggil hardcore disebabkan rentak yang lebih laju dan ganas dan lyric yang lebih extremis. Berbeza sekali dengan muzik dangdut.

8. Apa pendapat anda tentang kerajaan Amerika sekarang?

Jika maksudmu mengenai serangannya keatas Afganistan dan Iraq well.. sorry I'm not into that politic shit! Tapi disini kita dapat melihat bagaimana kuasa, kekayaan dan politik menghancurkan dunia. Disebabkan mereka yang mementingkan diri sendirilah umat-umat manusia berperang sesama sendiri. Kau bayangkanlah wanita, anak-anak dan orang tua yang tak berdosa menjadi mangsa kekejaman mereka dan dipengakhirannya, anjing-anjing ini juga mendapat kesenangan darinya. Hindarkan diri anda dari menyokong mana-mana bangsat seperti ini. Dan saya menasihatkan janganlah terlalu facist dalam membuat keputusan.

STRAIGHTEDGE PURITANISM?

It is no doubt that straight edge is a reaction to the excesses of the 1980's. It has sprung from a simple 45-second song into a lifestyle that stretches the globe. Yet in this quest to rid oneself of excess has straightedge become more of a puritanical religion than a movement? I find it hard not to compare some straightedgers to the puritans. They treat straight edge as if it were an iron clad doctrine of faith from god, and all those who do not follow are damned to hell. Take the issue on premarital sex. The hardest of the hard-liners will tell you that you should not have sex until you are married. Mark me if I'm wrong but where in that song does Ian Mckay ever mention premarital sex? I'm not alluding that Ian Mckay is the "god" of straightedge, just to the fact that it was his song that sparked the movement. Some try to put restrictions on straightedge. You can't be straightedge if you're homosexual, you can't be straightedge if you're not Christian, and you can't be straightedge if you're a skinhead and so on and so forth.Then they add all kinds of prerequisites like you can only be straight edge if you listen to hard-core music. Or if you are vegetarian or vegan. You can only be straightedge if so and so says you are and so on and so forth. It seems as if some treat straightedge as a curse. It seems as if they think if you don't drink, smoke, or do drugs that you cannot enjoy a party where others are drinking and ect. God forbid one who is straight edge hangs out with those who are not.... Though not the case all the time there are straightedge kids out there that refuse to do anything that involves any of the three big no no's. They alienate themselves in anattempt to be pure . Of course you have the preachers of the group. The straightedge's that ostracize all those who do not follow his or her set of beliefs (and there are so many since every individual definition is different). These are the kids that cough obnoxiously when someone lights up a cigarette ten feet away. The kids that will take a cigarette out of someone's mouth and stomp on it, or perhaps dump someone's alcohol out when they're not looking or when they are for that matter. These are the kids that run around telling you and everyone else who will listen (and those who don't want to) why they should be straight edge. It's these kids that give the rest of the movement a bad name. Some time's it's like being talked to by a telavangalist. I think straight edge is a great idea. I myself live a straightedge lifestyle. I so however think there are problems with straightedge. I think it makes a lousy belief system. When people have beliefs it's as if they are set in stone and easily fought over. There is little or no room for change or evolution. But when you have an idea, you can change it, allow it to grow. Ideas are great everyone has different ideas. I have too many to list right now... I can't knock it too much though. I see ten-year old kids running around with X's on their hands and I smile. They may not understand it too well but it is keeping them away from drugs and alcohol and that's a positive. So has straight edge become more of a cult like puritan religion? It's hard to answer that question. The reports of straight edge "gangs" in Utah and the overall general distaste for straightedgers seem to support that latter idea. The fact that people are willing to go to such extremes to promote their views is shocking. What happened to a call for unity? Remember that little word RESPECT? Or how about Tolerance? You don't have to like what other people or saying but you owe it to them and yourself to hear them out.



SIAPA KITA DAN APA YANG KITA MAHUKAN?

Dipetik dan ditranslasikan dari majalah sumber anarko-punk Profane Existence # 35. Penulis asal: Tox

Jika punk adalah sesuatu yang ideal, mengapa kita masih bertindak seperti individualis dan hipokrit terbahagi kepada kumpulan, sepatutnya berjuang untuk ideal dan bukan lagi berlakon, mengelak dan lebih mementingkan alkohol serta kualiti muzik.

Punk sepatutnya suatu kehidupan alternatif dan kesempurnaan seperti ekualiti (kesamarataan), autonomi (berpemerintahan sendiri) dan sebagainya. Nampaknya masih ramai punk yang tidak memahami erti sebenar punk itu sendiri.

Mereka yang mengaku diri sebagai punk tanpa tuturkata yang adil, jujur dan berkongsi juga tanpa suara yang solidariti (keperpaduan), mereka ini mempunyai kehipokritan serta keegoan di dalam diri mereka. Punk bukanlah fesyen, ia adalah organisasi, kerjasama dan idealogi. Oleh sebab yang demikian punk adalah satu pergerakan yang bertentangan dengan kerajaan, satu pergerakan yang juang, protes, bertindak langsung serta tidak konformiti (penurut) dalam menentang sistem kerajaan yang dipenuhi rasisme (perkauman), seksisme (kejantinaan), autoritarianisme (ketaatan kepada kekuasaan) dan opresi (menindas).

Kita adalah punk dan punk kefahamannya D.I.Y (do it yourself=buatlah sendiri), berautonomi, bersamanya adalah teori anarkisme yang menentang multinasional, pengeksploitasi, polusi serta kesengsaraan kemanusiaan, jika kita adalah untuk menghancurkan sistem yang berperihal menindas ini, kita memerlukan partisipasi dari mereka yang jujur dan ikhlas. Bukan sekadar memakai patches, spike berambut mohawks atau dreads menjadikan kita punk,bukan sekadar menulis lirik untuk kumpulan,bukan hanya bertuturkata. Punk adalah dengan bertindak untuk berubah. Punk adalah pergerakan untuk perubahan sosial, yang berjuang untuk satu kehidupan yang bebas dan ekualiti serta kehidupan alternatif: autonomi, tanpa bangsa, bendera dan sempadan. Punk adalah kemarahan yang lahir dari kehidupan harian yang dipenuhi seksisme, rasisme, represi, kelaparan, kemiskinan, kapitalisme dimana media dan masyarakat tidak mempersoalkannya. Bagi merealisasikan impian dan hasrat, setiap dari kita harus mempraktikkan kefahaman ekualiti serta menghapuskan naluri superioriti dan egoisme yang wujud dalam minda dan hati setiap daripada kita,seterusnya kita hancurkan dunia kepemerintahan yang dikuasai oleh mereka yang mengawal kehidupan kita.



PRO-VISION

Interview bersama bassist PRO-VISION band dari Kuching. Antara band hardcore terawal di Kuching. Selamat membaca interview ni.

1. Perkenalkan diri anda kepada pembaca?
Assalamualaikum semua aku, xadelcx selaku pemain bass dan wakil dari band PRO-VISION yang akan menjawab semua soalan ini dan semua jawapan adalah dari pandangan dan pendapat aku....OK.

2. Ceritakan sedikit mengenai PRO-VISION?
PRO-VISION ditubuhkan pada bulan Disember 1997 kalau tak silap aku oleh aku dan Boy. Kemudian kami meminta Siman, Godeng dan Hawari untuk menyertai band ini supaya ia menjadi sebuah band yang lengkap. Line up PRO-VISION pada masa tu ialah Boy-Gitar, Adek-Bass, Siman-1st Vokal, Hawari-2nd Vokal, dan Godeng-Drum. Kini tinggal aku, Siman dan Boy sahaja dalam band PRO-VISION nie.

3.Influence PRO-VISION?
Memandangkan band PRO-VISION memainkan muzik old school hardcore, influence kami terdiri daripada Minor Threat, Youth Of Today, Warzone, Cause Far Alarm, Chain Of Strength, Gorilla Biscuit, Black Flag, Fugazi, Uniform Choice, Bad Brain, Up Front, Agnostic Front, Ignite, Flag Punch, Good Clean Fun etc.

4. Mengapa memilih old school sebagai konsep muzik PRO-VISION?
Bagi aku untuk bermain sesuatu muzik kita perlu tahu "Roots" sesuatu muzik tersebut sebelum memahaminya. Oleh itu kami memilih old school hardcore sebagai konsep band PRO-VISION kerana ia straight to your face style music dan senang untuk spreadkan mesej kepada listener dan yang paling penting ialah kami memang minat dengan old school hardcore.

5. Selain dari muzik old school, muzik apa lagi yang anda dengar?
Untuk pengetahuan korang, aku dengar saja muzik yang aku ingin dengar. Aku tidak membataskan pendengaran dari segi muzik aku keatas muzik hardcore sahaja tapi aku dengar apa yang dapat aku layan. Disini tak perlulah aku nak lisikan muzikapa yang aku dengar dan yang paling peting ialah "BE YOURSELF"

6. Beri pandangan tentang band ini: Minor Threat, Warzone, dan Vitamin X?
Minor Threat- Antara band terawal dalam sejarah muzik hardcore. Sebuah band yang paling aku suka dan band yang memperkenalkan idea straight edge kepada pengikut muzik hardcore sampai ke hari ini.
Warzone- Merupakan influence terbesar band PRO-VISION. Tak perlulah aku cakap dengan panjang lebar kerana semuanya korang tahu tentang band ini dan kepada sesiapa yang tidak tahu, cubalah cari stuff dari band ini dan bagilah pendapat korang.
Vitamin X- Band yang paling happening di Belanda. Sebuah band straight edge yang paling aku minati yang menjual vitamin dari rumah ke rumah.

7. Ap yang dapat kau ceritakan mengenai scene hc/punk di Kuching?
Bagi aku, scene hc/punk di Kuching nie semakin membesar dan berkembang seperti yang dirancangkan. Buat pengetahuan korang, semakin ramai editor yang meriliskan idea-idea mereka dalam bentuk zine dan newsletter. Disamping itu, kami juga ada membuat satu jamming session melibatkan band Rukun 13, Kurasakuasa dan The Terraces. Kami juga telah menganjurkan Kembalikan Nostalgia Gig 1 dan 2 dengan bantuan Kecaman Crew. Semakin banyak band-band baru yang muncul dan satu kolektif KUCHING STRAIGHT EDGE YOUTH CREW telah ditubuhkan kapada straight edge diluar sana kalau korang berminat untuk membeli baju Straight Edge Youth Crew bolehlah contact aku.

8. Adakah kau sXe? Bagaimanakah cara terbaik bagi menyebarkan fahaman sXe?
Aku sXe ker? Ya....sememangnya aku sXe dari aku sejak lahir lagi, sampailah ke hari ini. Bagi aku cara terbaik untuk menyebarkan fahaman sXe bermula daripada kita sendiri. Kita tidak boleh memaksa seseorang yang bukan sXe untuk mempraktikkan sXe dalam hidup mereka. sXe ialah satu fahaman yang menjurus kepada kehidupan yang positif dan sXe bukanlah untuk menunjuk-nunjuk dan seseorang itu bukanlah vegan.

9. Bagaimanakah cara untuk kita menunjukkan sokongan kita terhadap rakyat Palestin yang ditindas di tanah sendiri?
Cara yang terbaik?? Bagi pendapat aku kita tidak dapat menolong rakyat Palestin 100% yang ditindas di tanah air mereka sendiri. Kalau boleh, kita boleh menderma wang kita kepada mereka untuk meringankan beban mereka. kalau boleh, buatlah satu atau dua buah lagu macam band Rukun 13 supaya mesej kita dapat sampai kepada listener orang dengar ke tak, itu terpulanglah. Sekurang-kurangnya kita telah berusaha untuk memberi sokongan kita. Betul ke tak (ed- ya betullllll....)

10. Jika girlfriend kau bawak kau makan kat Mc D, apa yang akan kau jelaskan dengannya?
Kalau girlfriend aku bawak makan kat Mc D, aku makanlah!! Taklah rasanya aku akan bagitau kat dia segala kesalahan dan keburukan Mc D supaya dia tau apa yang telah Mc D lakukan. Kalau dia masih nak makan kat Mc D, nanti aku cakap yang makanan kat Mc D tak sedap (ed- pandainyee..). senang cerita

Perbincangan dan pertukaran perdapat tentang manifesto baru yang dicipta hasil kombinasi saudara Faisal dan juga saudara Hafeez ini dibentangkan untuk mendapat persetujuan semua anak muda NOSC. Banyak soal jawab yang berlaku dalam pada mencapai satu kata putus untuk manifesto baru nosc ini. Perbincangan tentangnya adalah salah satu yang dalam pada saya. Maksud saya ianya dibincangkan satu persatu setiap baris ke baris. Malahan setiap ayat ke ayat. Dalam pada masa perbincangan manifesto baru ini berlaku, kehadiran anak muda NOSC yang datang pada hari tersebut makin bertambah. Jumlahnya telah pun mencecah kurang lebih dalam 20 orang. Dan kesemuanya duduk bersama membincangkan tentang NOSC. Perbincangan manifesto baru NOSC ini berjalan dalam masa yang lama. Jam ditangan telah pun menunjukkan jam 4 petang. Dan setelah perbincangan mengenai manifesto baru itu selesai, topic yang seterusnya diperbincangkan. Secara keseluruhannya, kesemua yang hadir pada hari tersebut telah bersetuju dengan agenda dan politik yang terdapat dalam manifesto baru nosc tersebut. Dan ianya akan dijadikan asas landasan untuk NOSC bergiat/berjuang secara aktif selepas ini.terdapat beberapa perubahan yang dipersetujui semua untuk manifesto baru nosc tersebut.
Topic yang seterusnya diperbincangkan. Apa pun ianya tidak disentuh secara mendasar sepertimana yang berlaku dalam perdiskusian tentang manifesto baru nosc tersebut.

Penerangan tentang keterlibatan nosc dengan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) anak muda dan pelajar diterangkan secara bersama oleh saudara Hafeez,saudara Pudin dan juga saudara Faisal. Begitu juga dengan perbincangan tentang masalah-masalah yang NOSC hadapai dan juga tentang keadaan kewangan NOSC. Keadaan kewangan NOSC adalah berkait rapat dengan apa yang NOSC lakukan selepas ini. Duit dalam tabung NOSC sekarang yang dipegang oleh saudara pudin berjumpa RM100. dan disebabkan saudara Pudin sekarang terlalu sibuk dengan kumpulan FNBKL yang disertainya,maka dia meminta agar wang nosc tersebut dipegang oleh anak muda NOSC yang lain. Dan saudara Faisal secara sukarela menawarkan diri untuk memegang duit NOSC tersebut. Dan ianya telah dipersetujui oleh semua anak muda NOSC.

Diperbincangkan juga tentang apakah produk yang bakal NOSC keluarkan dan juga apakah yang bakal NOSC lakukan pada hari mendatang. Buat setakan hari ini pada perjumpaan haram hari ini, semuanya bersetuju agar NOSC mengeluarkan satu surat berita (newsletter) rasmi NOSC yang dikeluarkan secara tetap dan berkala. Namun buat tempoh percubaan sekarang ianya masih tidak berkala dan hanya diletakkan targetnya untuk mengeluarkan newsletter NOSC sebanyak 3 isu untuk tempoh satu tahun. Terdapat beberapa lagi rancangan yang NOSC akan lakukan. Namun biarlah ianya menjadi 'rahsia' dulu buat sementara waktu ini.

Jam sudah pun menunjukkan 5.30 petang. Agenda perdiskusian sudah selesai? Yah, ianya sudah selesai. Perkara yang terakhir antara yang disentuh pada petang tersebut ialah mengenai kelewatan perilisan album End On End. Ianya juga telah mendapat kata putus oleh semua bagaimana dan bila ianya akan dikeluarkan. Sekarang tibalah untuk acara terakhir untuk hari ini. Setelah penat memerah otak mencari penyelesaian akan agenda yang nosc akan bawakan selepas ini,maka anak muda NOSC cuba menggapai sedikit keseronokan melalui bermain alat musik dengan kredebaliti dan bakat masing-masing. Antara band atau kugiran yang berpartisipasi dalam acara persembahan kumpulan musik pada hari itu ialah Revenge Of The Killer Germs, Ancaman, Shabra Shatila dan juga Natrah. Secara rambangnya acara pada hari ini berakhir pada jam 7.30 malam. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang berpartisipasi menjayakan program hari ini. Dan terima kasih juga di ucapkan kepada sandara xdinx yang menaja minuman pada acara ini. Lain kali belanja lagi yer abg xdinx. Hehe. Sampai jumpa lagi.

LAPORAN RUMAH TERBUKA NOSC

ACARA : Rumah Terbuka NOSC
TEMPAT : Restoran Tambatan D'raja, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
TARIKH : 9 Disember 2002

Setelah dipersetujui oleh semua NOS Collectiv-ist,maka satu kata putus akan tarikh untuk acara Rumah Terbuka NOSC telah dicapai. Tarikh tersebut adalah bersamaan dengan 9 haribulan 12 tahun 2002, bersamaan juga dengan 4 Shawal. Yah, ianya berlangsung di dalam kemeriahan hari raya aidil fitri. Dikesempatan yang ada akibat kepulangan anak rantauan NOSC ini lah maka semuanya bersetuju dengan agenda yang berlangsung pada hari ini. Dan nama Rumah Terbuka NOSC ini juga diambil bersempena dengan aktiviti yang kebiasaannya dilakukan pada hari raya seperti ini. Jadi tarikh dan hari yang dinantikan selama ini telah pun tiba.

Acara bermula seperti yang dijadualkan. Jam 1 hingga 2 tengah hari menyaksikan kehadiran anak muda NOSC yang mahu menjayakan agenda yang direncanakan. Malah ianya turut disertai oleh rakan-rakan baru yang baru saja mengetahui tentang kewujudan NOSC. Kemeriahan hari raya memang tidak dapat dinafikan. Dan keseronokan akibat telah lama tidak bersua muka mengakibatkan suasana menjadi begitu ceria. Apa pun, agenda yang dirancang harus diteruskan. Dan kita berada di sini adalah kerana agenda tersebut.

Jam mula menunjukkan waktu sudah pun 2.30 petang. Jadi acara perdiskusian tentang nosc dimulakan. Masing-masing mula memperkenalkan diri dan pengalaman masing-masing. Keadaan agak memuaskan. Mereka yang hadir untuk acara ini juga agak memberangsangkan. Pada waktu ini,kehadiran mereka dalam lingkungan 12 orang. Hampir kesemua pelopor atau pencetus idea untuk kewujudan NOSC ada pada hari ini. Setelah kesemua selesai memperkenalkan diri masing-masing,maka saudara Pudin secara sukarela menjelaskan tentang nosc ini secara umum kepada semua. Dan juga turut menjelaskan apa keadaan nosc sekarang setelah setahun membisu tanpa khabar berita atau aksi yang berlaku. Maka setelah penerangan tersebut berlaku, maka tibalah kepada perkara yang paling penting dalam agenda hari ini iaitu tentang pertukaran pendapat tentang manifesto baru nosc yang telah dihasilkan oleh saudara faisal dan ditokok tambah oleh saudara hafeez. Keterbitan manifesto baru nosc ini adalah akihat daripada ke-tidak-releven-an lagi manifesto lama NOSC. Manifesto lama memang releven, cumanya keadaan anak muda di NOSC sekarang menyebabkan ianya agak tidak sesuai dengan agenda yang diperjuangkan pada manifesto lama tersebut. Jika dulu anak muda NOSC berada dan berpusat di satu negeri, sekarang anak muda NOSC sudah tidak berpusat lagi dan anak muda NOSC berada di serata Malaysia. Kerana itulah manifesto lama agak tidak releven dengan agenda perjuangan anak muda NOSC. Dan kerana semua anak muda NOSC berada berjauhan antara satu sama lain itu juga lah NOSC membisu tanpa sebarang acara dalam tahun 2002 ini. Apa pun,tindakan susulan akibat perkara tersebut telah di ambil. Sehinggalah terciptanya manifesto baru ini.

Kalau tak silap aku, kami dah main sebanyak 10 kali gigs di sekitar bandaraya Kuching nie. Pengalaman yang paling menarik ialah ketika itu gig kat Grand Continental dan Waterfront kerana pada ketika itu crowd kami agak mengila banyaknya dan juga awek yang datang dari Selangor semata-mata untuk melihat kami perform. Kalau gig kat Waterfront la yang paling menarik kerana ia merupakan open-gig yang pertama sekali kami perform.

12. Apa yang anda alam mengenai hc/punk?
Hc/punk memperjuangkan kebebasan hak asasi manusia. Ia bersifat anti penindasan dan sifat toleransi amat dititik beratkan. Jadilah diri sendiri dan pilihlah laluan masing-masing. Apa guna mengaku diri sebagai hc/punk tetapi tidak dapat menerima idea yang ingin diperjuangkan. Ia bermula dari kita. Jangan biarkan diri kita ditindas oleh sistem. Hc/punk bukanlah untuk semua, FIKIRKANLAH!!!

13. Listkan kat aku band hardcore tempata yang anda minati?
Second Combat, Channel X, Dashawn, Uphold, Disaster Funhouse, 24 Reason, NET, xTool of Societyx, Inflict, Nostalgia, Standstill, Eleven, Ended Up, Non Priority, Fast Game, Social Intergration, Secret Seven, Recover, Kind, Basic Right, Rukun 13, Pointless Jugdement.

14. Adakah kau homophobic?
Homophobik…sebenarnya aku bukanlah seorang homophobic. Tapi aku tidak mahu jadi hipokrit. Aku rasa ada sedikit dalam diriku sifat homophobic tapi aku akan cuba 100% usahaku untuk membuang sifat tersebut. Janganlah korang salah anggap kerana scene kat Kuching nie berbeza dengan scene kat semenanjung. Ini kerana kat semenanjung ada mereka yang jadi gay dan lesbian di dalam scene hc/punk. Jadi di sana mereka kenalah respect kat mereka nie. Setahu aku kat Kuching nie takde budak-budak gay/lesbian dalam scene hc/punk jadi dengan ini aku berusaha untuk membuang sifat homophobic dalam badan dan otakku.

15. Adakah kau percaya berita-berita dari pihak media kerajaan?
Kau percaya ke tak? Kalau kita tidak ada sumber maklumat yang lain, kenalah kita percaya dengan berita-berita dari pihak media kerajaan. Betul ketak (ed- betul jugak). Aku rasa ada maklumat yang kerajaan tidak sampaikan kepada rakyat. Tapi kita kenalah menilai berita itu dengan waras dan sebijak-bijaknya.

16. Jika pilihan raya dilangsungkan kelak, adakah kau akan turun mengundi? Parti apa yang kau pilih?
Apa punya soalan daa? Aku pun tak tahu. Kita tunggu dan lihat ok. Nanti aku bagitau kau. Pilihan raya yang lepas pun aku tak mengundi. Daftar pun aku belum. Kalau pasal parti apa yang aku pilih, NO COMMENT. Engkau? (ed-??)

17. Beri sedikit nasihat kepada new comers di Kuching?
Belajarlah bersungguh-sungguh. Kepada new-comers, janganlah anda malas nak berkomunikasi kerana anda tidak akan dapat apa-apa dengan hanya goyang kaki. Kalau anda nakkan sesuatu, pergilah minta kepada mereka yang ada apa yang anda inginkan. Jika tak tahu, tanyalah. Jangan jadi bodoh sombong. Jangan jadi hipokrit. Jangan menyertai scene hc/punk semata-mata untuk glam, aweks…FUCK OF!!!

18. Bila korang nak rakamkan demo?
Sebenarnya kami mempunyai sedikit masalah untuk merakamkan demo. Nantilah, kalau boleh kami akan rakamkan demo pada hujung tahun nanti. Kami akan cari line up yang boleh bermain bersama kami. So, check it out and keep in touch! (oldschool power)

19. Projek dan aktiviti korang selain band?
Buat masa nie aku akan menyambung pelajaran ku. Aku jugak menolong seorang rakanku menjadi 2nd editor untuk membuat zine. Disamping itu, aku juga merupakan seorang editor xSinarittax n/l. buat masa ni aku tengah concentrate dengan Kolektif Kuching Straight Edge Youth Crew. Kalau ada idea bagi newsletter aku, hubungilah aku dengan segera.

20. Alamat surat menyurat? Email?
Mohd. Fadzlishah c/o xadekx,
359, Jalan Datuk Ajibah Abol,
93400 Kuching, Sarawak Malaysia

21. Kata-kata penutup buat pembaca zine?
Tima kasih kepada kau kerana bagi aku peluang untuk dimasukkan dalam zine ko nie. Kepada para pembaca zine nie, aku harap korang berpuas hati dengan jawapan yang aku berikan. Sesungguhnya tiada orang yang sempurna. Kalau ko tak berpuas hati, bolehlah cari aku dan kita boleh berdiscuss bersama-sama. For the last shouts, we're stand still with our own feet for the call of hardcore scene…the struggle, the commitment is our path of defining the real hardcore scene. This is our struggle, this is our resistance.

BANZAI 606 THE BIOGRAPHY

Banzai 606 was formed in early 2001 consisting of 4 member: **ANIP** : GRINDING STORM DRUMMER **PAT** : BAZZTARD + BACKUP ABUSER **BUJAL** : 6 STRING NOISY GUITAR **HISHAM** : THROAT ABUSER Banzai 606 were kicked off as a serious band that is inspired by some fast/grind/hate core bands like a Cripple Bastard, Parkinson, Gride, Napalm Death, Terrorizer, Nasum, and etc. Banzai 606 was recorded their first EP entitled 'Troops of Tomorrow' under Broken Noise Records. Banzai 606 had put up gigs organized by some of their associates all over West Malaysia. In the end of year 2002, Banzai 606 were kick out the 'very talented & skilling' drummer; Anip and the 'the throat abuser'; Hisham from the band. The other guys of Banzai 606 were really fuck-up with those **FUCKHEAD** that almost make a trouble for the band and didn't appreciate the **FRIENDSHIP** between the other line-up. They are also really extremely patient with those **FUCKHEAD** attitude problem, sometimes they didn't show their interested to play in a band, and the most important thing is **COMMITMENT!!!** Not just a commitment to play in a gig or to abuse the amplifier at the jamming studio but the commitment and responsibility to change and to perform **INDIVIDUALITY ETHICAL** not a **MACHO + FUCKHEAD + BACKSTABBER + LIAR + GRINDSTAR** and what ever words to called they, but what can I say just **FUCK YOU!!** So, the band only leave 2 guy that still has a '**HIGH SPIRIT & ENERGY**' to continue destroying the music business. They're just leaving without any practise, gigs and other activites about 1 year. And Banzai 606 have a new drummer that will replace Anip for this moment. NecroKia of Mass Separation + Past Few Days will blasting off with us and we will 'Feed Our Conscience' to care a good relationship with NecroKia. A good attention, spirit, commitment and resposiblity by NecroKia were highly appriciate by Banzai 606. So, the current line up are: **BUJAL606** : 6 STRING NOISY MACHINE GUN **PAT606** : BAZZTARD DISTORTO + SCREAMING MADNESS **NECROKIA606** : HELLBLAZING STORM GRINDER WITH A GOOD ATTENTION **GOOD BYE HISHAM AND ANIP, YOU'RE FUCKHEADEAD!!**



SECOND COMBAT "One More Fight e.p." (SOBER)
Band oldskool hc yang datangnya dari Klang. Pastinya anda berpuas hati dengan muzik mereka dan mesej yang "straight to your face" kesemuanya 5 buah lagu dan satu lagu cover dari Ignite. Oldskool habis!!!

ANJING TANAH "dimenuendocorruption" (UGLYSMOKER)
Dari Indonesia, menampilkan 14 buah lagu yang laju-laju seperti kereta formula 1, mereka bermain muzik fastcore dengan tajuk-tajuk yang menggemparkan. Rugi kalau tak dengar.

ARGON/DAMOKIS (BROKEN NOISE)
Dua buah band grind yang agak ganas, kedua-duanya bermain konsep muzik yang agak sama crust/metal/grind. Argon dengan 10 buah lagu dan Damokis pulak dengan 11 buah lagu termasuk lagu Seiiring dan Sejalan lagu cover dari Broery Marantika dan Shariah Aini.

PARKINSON "Peace Now Or Die" (BROKEN NOISE)
Ini dia band kegilaan ramai dari Johor Bharu, menampilkan kesemua lagu yang cukup crustgrind. Kepada sesiapa yang masih belum mendengar Parkinson nah ambik korang kaset ni. Pasti menggegarkan.

RECONSTRUCT "Horror of Extermination" (BROKEN NOISE)
Yahoo!! Mari kita dengar Reconstruct lagi. Kali ini mereka lebih mengganas dengan 6 buah lagu yang cukup heavy dan crustcore. Arggh aku sangat sayangkan korang semua.

MINUS "1992-2000 discogrpahy" (BROKEN NOISE)
Band punk dari Singapore. Kali ini mereka menampilkan kesemua lagu-lagu mereka dari tahun 1992-2000 di dalam satu kaset yang cukup bernilai ini nikmati anarcho punk dari Minus.

VORMIT "Calendar Sadness Demo"
Mari kita nikmati irama metal/grindcore dari Kuching. Vormit menampilkan 4 buah lagu di dalam demo mereka dan pasti akan membuatkan anda hilang kawalan. Anda mesti dengar stuff ini jika anda meminati Napalm Death, Terrorizer, Brutal Truth, dan Nasum.

VITAMIN X "The Discography" (COMMITMENT REC.)
Band oldskool yang berada di ranking no 1 dalam diri aku sekarang, kerana mereka memang best. Menampilkan 22 buah lagu yang pasti tidak akan memboringkan. Sila dapatkannya sekarang aku jamin korang semua pasti mengatakannya best.

INFEST "Discography Tapes" (UGLYSMOKERS TAPES)
Kesemuanya menampilkan 75 buah lagu yang laju-laju belaka. Muzik mereka boleh dikatakan macam thrash/hc. Tapi ia sesuai didengar ketika kita sedang marah kerana ia makin menambahkan kemarahan.

DOOM/CRESS "Split CD"
Kedua-dua band ini hanya memainkan 4 buah lagu sahaja. Doom membawakan konsep crustcore dan Cress pula susah aku nak kategorikan aku dengar macam streetpunk/hardcore je. Tapi pastinya ia tidak memboringkan.

POWER OF IDEA "Yellow Thrash" (BROKEN NOISE)
Menampilkan 12 buah lagu. Lebih kearah Thrash dan tidak banyak memperlihatkan part-part grind. Lirik-lirik daripada band ini sungguh bermesej dan positif. Keseluruhan para pendengar tidak akan merasa hampa dengan band ini.

10. Hardcore itu positif, tapi pada pandangan kau adakah ia benar-benar positif jika pengikutnya tidak memahami apa itu hardcore?
Soalan yang bagus! Hc/punk banyak yang aku dengar dari budak ntah apa-apa yang mengatakan hc is just a muzik and Punk is spiky hair! Jadi sememangnya tidak ternilai bagi mereka apa itu hc/punk kalau mereka tidak tahu apa itu hc/punk dan ada jugak yang mengatakan perjuangan hc/punk adalah nonsense, jadi bagi mereka beranggapan begini, fahamilah dulu apa itu hc baru korang akan tahu positi atau sebaliknya hc/punk itu.

11. Adakah scene hc/unk dinilai dengan bertambahnya zine dan n/l tetapi bukannya dinilai dari kualiti zine dan n/l tersebut? Komen anda?
Pada hemat aku peningkatan sesebuah scene pada masa kini dinilai dari segi banyak keluaran zine ataupun n/l (tapi bukan semua). Tentang kualiti n/l atau zine tersebut janganlah diambil kira dahulu, kerana mungkin engeluaran yang tidak berkualiti itu pada awalnya. Mungkin mereka akan memperbaiki kualitinya pada masa akan datang. Kalau kita nak menilai sesebuah zine / n/l itu kualiti atau tidak, sudah tentu banyak idea-idea yang nak dikeluarkan oleh editor-editor baru tidak dapat diriliskan kerana takut zine / n/l nya akan di backstab. Disitu wujudnya hirarki yang mengatakan material yang berkualiti sahaja perlu dibaca dan tidak bekualiti diabaikan. Sampai bila idea dari editor baru nak diketengahkan dan nak diperbaiki(tapi penulisan zine / n/l tadi mestilah beretika dan bermotif bukan untuk mendapat keuntungan sahaja. Betultak?)

12. Pendapat kau mengenai bebudak trendy?
Bebudak trendy, sebenarnya mereka ni tidak dapat diabaikan, kita tanya dulu sebab apa mereka jadi macam nie. Kalau jawapannya negatif jadikan mereka positif kalau diorang tak mahu jugak "haduh haduh. Tak dopet deng nak nolong" ko bagaimana?

13. Bila rasanya korang nak merakamkan demo ke ep, lp?
Eeee...awal jugak!! Lagu sendiripun belum ada masakan pula nak buat demo/ep. Nanti kami nak aktifkan dulu band ni, barulah kami pergi ke lebih jauh lagi.

14. Future plan? Projek terbaru BETRAYED?
Future lan seperti yang aku katakana tadi kami akan mengaktikan dulu band ni.

15. Kata-kata penutup?
Ok lah terima kasihlah kerana ko sudi interview aku dan band nie, semua yang aku katakana tadi tu adalah sedikit pengetahuan aku yang baru join dalam scene ni, bagi pengetahuan korang ni lah first time aku kena interview jadi kalau ada silap. Tolong bagitau!! Email to xMATx (xdopangx@yahoo.com). Feeds Back itu penting!!

ULASAN DERIA PENDENGARAN

RECONSTUCT/ATRET (BROKEN NOISE)
Reconstuct menampilkan 7 buah lagu yang bes-best gila!! Konsep yang dimainkan oleh Recontruct ialah heavycrust. Manakala Atret ula bermain muzik ala crustpunk dan menampilkan 13 buah lagu semuanya.

BANZAI 606 "Troop of Tomorrow e.p." (BROKEN NOISE)
Grindcore dari Shah Alam, dari segi muzik tidak akan menghampakan anda menampilkan satu lagu cover dari Gride, rasailah kuasa grindcore yang sebenar. Kesemuanya mempunyai 8 buah lagu jangan lupa dengar lagu The Truth ok.

RUKUN 13 "Demo Gila 2002"
Hc/punk dari Kuching, memang gila!! Kesemuanya ada 6 buah lagu yang menawan hati dan satu kemestian bagi anda untuk mendengarnya. Dengar jangan tak dengar tau, best gila!!

PENGALAMAN AKU SEBAGAI STRAIGHT EDGE

Memang aku bangga menjadi seorang sXe kerana aku bangga dengan kehidupan yang positif dan buat apa nak merosakkan diri sendiri. Memang banyak kelebihan jika menjadi seorang sXe, anda dapat menjimatkan wang anda, menjaga kesihatan anda, meningkatkan kesedaran moral terhadap diri sendiri dan menentang kapitalis secara tidak langsung. Tetapi sXe tidak pernah membenci mereka yang bukan sXe kerana sXe badi aku bukan untuk semua, maksud aku bukan semua orang dapat jadi sXe. Contohnya aku sendiri dahulunya adalah seorang perokok tetai atas kesedaran sendiri aku dapat berfikir bahawa ia tidak baik untuk kesihatan aku. Oleh itu aku menjadi sXe. Setelah menjadi sXe banyak dilemma yang aku hadapi daripada kawan-kawan ada yang mengatakan aku sXe kerana aku ni cuma ikut trend sahaja lah, ada yang bagi nasihat bodoh seperti "buat aa nak adi sXe kalau ada gaji takpe jugak". Tapi aku tak eduli itu semua memang pada peringkat permulaan perkara begitu selalu terjadi. Banyak jugak yang tak faham tentang sXe ni dan selalu mengatakan benda yang salah tentang sXe contohnya "kau sXe betul ke ni? Jadi ko relalah tak makan daging?" adakah dia cakap sXe tak makan daging, lalu aku pun menerangkan kepadanya bahawa tak makan daging tu sXe vegan, vegan adalah pilihan peribadi tetapi sXe hanya mengandungi 4 elemen sahaja iaitu no drugs, no smoke, no alcohol, no free sex. Tetapi ia telah dicampuraduk oleh golongan vegan yang mengamalkan sXe dari situlah wujudnya sXe vegan. Pada waktu gig pulak ramai yang hairan apabila aku dan kawan-kawan sXe lain memangkah tangan. Ada yang kutuklah, ada yang kata kami ni menunjuk-nunjuklah tapi aku peduli apa, diorang apa tahu, tahu kutuk orang je. Tapi memang seronoklah pergi gig dengan identity tersendiri sebagai seorang sXe kalau tak kenapa ada orang kutuk kami, kerana kami tahu diorang cemburu sebenarnya. Yang paling best sekali bila jadi sXe ialah apabila aku dapat menubuhkan sebuah band sXe, aku suka mempunyai sXe band kerana aku tak perlu risau tentang disiplin bandmates yang lain kerana semuanya positif. Dapat jugak spread mesej mengenai sXe dalam lagu kami. Tetapi paling menyakitkan hati aku sebagai seorang sXe ialah ada orang yang anti-sXe apasal dia anti sangat dengan sXe, bukannya sXe pernah mengajar supaya membenci mereka yang pemabuk, perokok, orang main dadah dan orang yang melakukan free seks. Itu terpulang kepada merekalah badan diorang sukahati dioranglah nak buat apa dengan diri diorang sendiri, yang penting aku tak pernah anti dengan mereka. Di sini aku ingin mengatakan bahawa aku straight edge kerana aku sukakan hidup positif, aku sukakan imej sebagai seorang sXe, aku suka memangkah tangan waktu gig dan aku dapat menjaga kesihatan tubuh badan aku. Tetapi aku tidak suka dengan mereka yang menyebarkan idea sXe dengan cara kekerasan (Hardliner) kerana merekalah yang telah memburukkan imej sXe dan mendatangkan pandangan negatif terhadap golongan sXe yang sebenarnya adalah Positif. HARDLINE=FACIST. Jadi bagi aku sXe sesuai untuk aku kerana ia tidak bertentangan dengan agama aku dan ia sesuai untuk semua. KEHIDUPAN POSITIF ADALAH SATU KEJAYAAN.

APA NOSC?

Network Of Solidarity Collective percaya kepada prinsip berdikari, DIY (do-it-yourself), konsensus, solidariti (setiakawan), cinta dan kasih sayang, kebebasan berintelek, aksi-terus (direct action), non-hirarki (kesamarataan hak), dan non-autoritarian yang merupakan asas vital dalam mewujudkan kehidupan yang lebih sempurna, saksama dan harmonis. NOSC juga percaya bahawa diantara punca vital yang menjadi teras kepada peperangan, huru hara dan disharmoni nya kehidupan didalam hidup bermasyarakat adalah rasisme (perkauman), seksisme (diskriminasi jantina) serta ignoransi (kejahilan) dan eleman-eleman tersebut perlu diperangi. NOSC juga melihat dasar kapitalisme sebagai punca utama kesakitan dunia hari. NOSC dengan sekerasnya menentang setiap isu yang mempunyai eleman eleman diskriminatif, opresif dan eksploitif melampau. NOSC bebas untuk menyelinap atau memanipulasi mana-mana saluran yang sesuai untuk bertindak secara aktif, tidak kira samada saluran arus utama ataupun subversif. NOSC juga menitik beratkan soal keseronokan beraktiviti. Oleh itu NOSC adalah kolektif yang bersifat telus. Secara ringkasnya, NOSC adalah kolektif yang MAHU MENJARINGKAN PERSAHABATAN dengan sesiapa sahaja yang bersetuju dengan agenda politik NOSC. BERKAWAN dan BERGABUNG BERSAMA-SAMA dalam menentang kezaliman dan ketidak-adilan menindas yang berlaku.

SIAPA NOSC?

NOSC adalah kumpulan kecil bersifat autonomus, non hirarkal, kolektif dan bebas kerajaan, ditubuhkan oleh aktivis, simpatis politik dan sosial yang terdiri daripada anak-anak muda yang ingin menjanngkan hubungan berbentuk solidaritas dan berbasiskan semangat setiakawan, bergabung bagi merangka dan bersama-sama membina perubahan positif tidak kira kepada anak muda NOSC ataupun masyarakat secara keseluruhan.

KENAPA NOSC?

NOSC diwujudkan untuk bertindak sebagai satu platform untuk anak-anak muda berkumpul, berdiskusi dan bertindak mengikut kemampuan masing-masing terutamanya melalui metod DIY atau apa jua metod yang difikir sesuai, dalam apa jua isu yang difikir baik untuk dibincangkan bersama-sama dalam usaha NOSC membina kondisi komuniti yang lebih positif. NOSC juga bertindak sebagai komunikator mesej yang ingin disampaikan oleh anak muda kepada teman yang lain atau masyarakat pada umumnya. Secara tidak lansung, NOSC adalah medium untuk kita semua (anak muda khususnya) bergerak kedalam masyarakat sekeliling, menyampaikan pendirian, maklumat dan propaganda NOSC dalam apa jua variasi isu perdana atau subversif, disamping mengenali dengan lebih dekat keperluan dan masalah masyarakat untuk diselesaikan bersama. NOSC cuba merintis satu jaringan setia kawan yang kukuh diantara sesama anak muda, ataupun diantara kolektif-kolektif lain yang wujud (di Malaysia terutamanya). Masalah yang timbul seperti kemelaratan, kelaparan, ketiadaan rumah, kesengsaraan, kedaifan adalah perlu ditangani segera. NOSC akan menjalankan sebarang aktiviti dan bertindak dengan mengambil bahagian didalam apa jua aksi yang membawa kepada penyelesaian pemasalahan sebagaimana yang disebut diatas. Sebarang penghasilan yang berbentuk benefisial melalui kretiviti seni muzik, literasi atau kerja tangan yang dijalankan atas nama NOSC akan disalurkan dengan bijak untuk kebaikan bersama. NOSC amat mengalu-alukan sumbangan, walau dalam apa jua bentuk sekalipun seperti karya penulisan, muzik, pakaian terpakai, kewangan ataupun apa sahaja, oleh masyarakat dalam membantu NOSC merealisasikan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di masa-masa hadapan yang dilakukan diatas dasar kemanusiaan, kasih sayang dan semangat bantu membantu diantara masyarakat yang berkemampuan kepada yang kurang bernasib baik.

UNTUK SIAPA NOSC?

NOSC secara amnya, berusaha untuk membantu membentuk masyarakat yang positif dan harmonis dengan dasar toleransi diantara satu sama lain. NOSC juga bertindak sebagai platform untuk merapatkan ikatan diantara sesama anak muda dan diantara anak muda dan masyarakat. Jadi, NOSC adalah untuk semua pihak yang terlibat secara lansung atau tidak lansung dalam merealisasikan objektif NOSC. NOSC juga untuk membina semangat kendiri didalam setiap jiwa anak muda. Dengan kata lain, NOSC adalah untuk kita semua.

BETRAYED

Interview bersama vocalist BETRAYED yang agak macho dan menjadi kegilaan setiap wanita.

1. Perkenalkan diri anda dan line up BETRAYED?
Hai aku Mat (vox), Faizan(guitar), Ae(bassist), & Mono(drum)

2. Sejarah penubuhan BETRAYED?
Sejarah penubuhan band ini tidaklah begitu istimewa seperti yang korang sangkakan, tetapi ia sungguh mistik he..he.. mari kita dengar!!!..tubuhnya Betrayed, apabila brader GG(Rukun 13).. mengajak aku bermain di gig bersama BETRAYED sebuah band hc yang hari itu juga ditubuhkan..jadi aku pada masa itu telah dianugerahkan sebagai gitar(2nd guitar), Faizan(1st guitar)....GG(vox) dan Mono(drummer), Ae(bassist).. selepas berlangsungnya GIG tersebut GG telah meninggalkan BETRAYED tanpa sebarang wasiat, jadi BETRAYED pun bersemadi dijiwa bersama lineupnya pada ketika itu. Selepas membuat perbincangan semula dengan Faizan, kami telah bersetuju untuk menyambung semula BETRAYED, dan bertukar posisi aku sebagai vokal. Seperti sekarang ni.

3. Konsep muzik dan influence? Terangkan dengan lebih jelas lagi?
Konsep band ini susah kami perkatakan kerana kami belum ada lagu sendiri dan kami hanya membawa lagu cover sahaja. Tapi konsep kami main pada gig hari tu ialah hc/punk (The Bollocks, The Fist Of Fury) dan terdapat juga konsep oldschool hc lagu cover dari Minor Threat (Filler & In My Eyes) dan influence band ni tentulah band yang kamimainkan lagunya pada gig hari tu.

4. Bagi anda , adakah anda mengikut 100% perjuangan Punk? Adakah Punk itu perjuangan?
Sebenarnya aku masih baru dalam scene hc/punk ni, dan bagi aku perjuangan Punk ni tidak terbatas. Jadi aku tidak mengatakan yang aku mengambil 100% perjuangan Punk itu. Aku mengambil perjuangan Punk secara pilihan aku sendiri jikalau ia suatu perjuangan yang rasional!! Ya punk itu berkisar tentang sebuah perjuangan iaitu secara Pasifist bukannya Pasif.

5. Adakah band ini bagi anda untuk menyampaikan mesej ataupun untuk suka-suka sahaja?
Sekali lagi aku terangkan bahawa band ini membawa konsep hc/punk!! Maka sudah tentulah mesej benda pertama yang kami pertengahkan. Secara tidak hipokrit aku katakana kami juga bermain secara suka-suka kerana bagiku mesej yang paling senang diterima oleh scene star ialah dengan secara suka-suka.

6. Setahu aku kau seorang sXe? Adakah BETRAYED juga memperjuangkan fahaman sXe?
Ya aku seorang sXe. Faizan dan Ae juga budak sXe. Setakat ni BETRAYED belum lagi memperjuangkan sXe(selain membawa lagu Minor Threat) mungkin sedikit masa lagi kalau ada rezeki kami akan membawa mesej sXe.

7. Adakah kau memilih etika ataupun persahabatan di tempat pertama?
Etika dan persahabatan soalan yang cukup Fame. Susah aku katakana. Suka aku katakana yang aku meletakkan kedua-duanya sekali ditempat yang teratas, bagiku tanpa ethic siapalah aku dalam hc/punk dan tanpa kawan apalah hc/punk bagiku.

8. Selain daripada band apakah sumbangan lain kau terhadap scene hc/punk?
Selain band aku juga telah meriliskan sebuah n/l yang penulisannya tidak begitu berat dan ia first material yang aku keluarkan selama aku join scene hc/punk ni, terdapat satu artikel tentang "Apa Itu Punk Bagiku", satu artikel tentang scene krisis dan report tentang "Kuching Straight Edge Youth Crew". Kalau nak dapatkannya kontek aku (free).

9. Penglibatan kaum perempuan dalam scene hc/punk, bagi sedikit komen adakah ia satu peningkatan?
Ya penglibatan kaum hawa dalam scene hc/punk adalah potensi yang cukup bagus bagi sesebuah scene. Dan ia adalah satu peningkatan kerana kita tidaklah hanya mendengar idea-idea dari lelaki sahaja dan idea-idea perempuan diabaikan kerana tiada penglibatan. Perempuan juga adalah penyeri sesebuah scene itu. Cukup bagus!! Kotanya aku ni ada awek nak join kita ker?? (ed-Begitulah rupanya)

BURNHATE DISTRO ini sudah agak lama menyepi tanpa apa apa informasi terbaru. Namun distro yang ditubuhkan pada awal tahun 2000 ini mempunyai koleksi bahan bacaan yang menarik dan rare seperti Core Pack #3 yang sudah tidak lagi diedarkan oleh mana-mana distro dewasa ini. Pada awalnya diasaskan oleh Jera dan Pudin, namun setelah seberapa lama Pudin kini mengorganisasikannya secara berseorangan di mana Jera telah mengasaskan Blank Citizen Distro and Records. Untuk informasi lanjut adalah disarankan untuk menghubungi dasardalam@hotmail.com

EMOLUTION RECORDS adalah diantara record label yang amat baru ditubuhkan. Diasaskan oleh Hafeez dan Dinx di awal tahun 2002 dengan objektif untuk meriliskan mana mana rehearsal atau demo secara kecil kecil sebagai membantu promosi. Mereka pernah bergiat untuk menerbitkan iscography This Machine Kills dan beberapa buah band emo luar negara tetapi di atas beberapa sebab yang tidak dapat di atasi, akhirnya projek tersebut terbengkalai begitu sahaja. Akhirnya mereka memecahkan kebuntuan dengan menerbitkan demo rehearsal Ancaman dan kemungkinan besar rehearsal demo Epileptic Aphrodisiac Thrombosis. Kini setelah pemilikan Emolution sudah bertukar tangan, di mana ia kini diambil alih oleh Azman No Frighten, semoga attitude label ini bertambah mantap. Boleh dihubungi: emorecs@hotmail.com



BAGAIMANA NOSC?

NOSC tidak terikat dengan mana mana metod atau pergerakan yang spesifik. NOSC akan aktif didalam apa jua cara dan keadaan mengikut sirkumstansi dan keadaan bagaimana NOSC diletakkan. NOSC boleh bertindak secara fizikal (aksi terus e.g penyebaran propaganda, pendistribusian makanan percuma, aksi jalanan dll) jika difikirkan munasabah dan sesuai dengan keadaan dan mungkin juga bertindak secara maya (diskusi, penyataan pendirian secara siber) dimana melalui kedua-dua saluran ini, secara tidak lansung NOSC berfungsi memberi manfaat kepada masyarakat dan diri setiap yang berpartisipasi.

DI MANA NOSC?

NOSC bermula dan berbasis di Kota Bharu, Kelantan. Namun NOSC tidak terikat kepada spesifikasi tempat dan masa. Ianya bebas. NOSC boleh ada dimana-mana sahaja, bergerak bebas menyelinap kemana saja paksi yang sesuai atau kemana saja organisasi kerajaan atau bukan kerajaan yang wujud di mana-mana (terutamanya di Malaysia) yang difikirkan relevan dengan tujuan, prinsip atau agenda yang diperjuangkan. Jika anda memahami agenda politik DIY, autonomus, non-autoritarian dan kemasyarakatan yang diperjuangkan oleh NOSC, maka NOSC sudahpun berada bersama anda.

KESIMPULAN NOSC?

- NOSC mahu berkawan dan bergabung untuk meennentang kekejaman, ketidak-adilan dan kezaliman menindas.
- NOSC adalah berdikari, DIY (do-it-yourselIf), konsensus, solidariti (setiakawan), cinta dan kasih sayang, kebebasan berintelek, aksi-terus (direct action), non-hairarki (kesamarataan hak), dan non-autoritarian.
- NOSC menentang dan menolak kapitalisme, ppeperangan, rasisme (perkauman), seksisme (diskriminasi jantina) serta ignoransi (kejahilan), diskriminatif, opresif dan eksploitif membunuh.
- NOSC bebas untuk menyelinap atau memanipuulasi mana-mana saluran yang sesuai untuk bertindak secara aktif, tidak kira samada saluran arus utama ataupun subversif dalam menyebarkan agenda politik NOSC.
- NOSC juga menitik beratkan soal keseronokkan beraktiviti. Jadi, marilah kita berkawan,bergabung dan berseronok bersama-sama.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang NOSC, cari sahaja para pencinta keamanan ini dengan turut partisipasi dalam kelompokan siber NOSC di **enoessi@yahoogroups.com** *atau lawati terus laman web rasmi nosc di* **www.nosc.cjb.net**.

NETWORK OF SOLIDARITY COLLECTIVE PUBLISHING- (OCT. 2002) "KOMUNIKASI BUNUH KEJAHILAN"



A4 size, 52pages. RM4+60cents stamp to
Fazri Mohd, B 783, Banggol Limau, 21200
Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

KOTA BHARU DIY SCENE REPORT 2002/2003

ANCAMAN band empat kerat yang memainkan irama melodic punk hardcore grind ini sudahpun merasmikan kewujudan mereka dengan rilisan pertama berupa sebuah demo rehearsal yang bertajuk Let the Dove Fly Free. Edisi ini agak terhad kerana kualiti bunyinya agak raw dan kasar. Band ini agak perlahan akan gerak gerinya di atas sebab band member yang berkedudukan jauh di antara satu sama lain. Ditubuhkan pada awal tahun 2000 dengan semangat political yang membara disamping mencari kelainan atau satu alternatif lain pada dunia muzikal mereka. Buat masa sekarang ini, band ini mempunyai masalah dalaman selepas menyiapkan projek recording terakhir mereka. Mungkin terdapat kemasukan anggota baru untuk memantapkan lagi susunan muzikal mereka. Dianggotai oleh Faisal: vokalis. Ayeh: vokalis. Pudin: drum. Hafeez aman: bassist dan vokalis. Kontak: peacedestination@hotmail.com

REVENGE OF THE KILLER GERMS. Antara band yang paling lama dari perihal kewujudan mereka namun masih belum meriliskan apa apa rilisan rasmi. Band yang memainkan irama punk rock n roll ini buat masa ini agak perlahan. Pernah dulu ada ura ura yang mereka akan meriliskan split dengan band pop punk Punishment Park namun sampai sekarang belum dapat melihat apakah susulan mereka. Band ini ternyata amat hebat dengan komposisi muzikal yang utuh dengan melodic catchy mereka dengan anggota yang rata-rata begitu mahir dengan kendalian instrumen masing-masing. Dianggotai oleh Gupa: gitaris dan vokalis. Pudin: drum. Nasir: bassis. Kontak: dasardalam@hotmail.com

PHALANX SUFFER. Band empat kerat yang memainkan muzik new school emorabak hardcore rap dengan gabungan rapping screaming ala emo rabak ditambah dengan ke chugga-chugga-an sound gitar berat. Ini sebenarnya sudahpun meriliskan terbitan pertama mereka di bawah Papakerma Records dan syukurlah selepas beberapa masalah penerbitan yang hebat akhirnya rilisan ulung ini akan dijangka menemui pasaran pada akhir tahun ini. Dengar bisik ura-ura mereka akan memasukkan second vocal dan sekarang ini sedang menyelesaikan beberapa masalah dalaman band tersebut. Band ini di halusi oleh peneraju utama mereka iaitu Jemy: gitaris. dan Affa: vokalis

SHABRA SHATILA band ini sepatutnya sudahpun merakamkan rilisan pertama mereka namun diatas beberapa masalah dalaman yang agak teknikal, mereka menangguhkan rancangan tersebut. Band yang dianggotai oleh 6 anak-anak muda ini menjadikan emo hardcore violence sebagai teras keras muzik mereka. Buat masa ini, pergerakan band ini agak kekomaan di atas sebab yang telah diterangkan walau ia sebenarnya begitu senang diatasi. Ditubuhkan pada awal tahun 2000 yang pada tahun itu rancak dengan band band baru ditubuhkan seperti Ancaman, Colours of Her Eyes dan State of Mind. Mungkin terdapat beberapa perubahan dalihal struktur line up. Dianggotai oleh Hazwan: gitaris. Nazier: gitaris. Firdaus: vokalis. Hafeez Aman: bass. Dinx: vokalis dan Pudin: drummer. Kontak: xnazierx@terato.com

PROOFX OFX LIFEX satu-satunya band old school hardcore yang cuba mengembalikan semula kegemilangan irama pantas dan mencengkam. Band ini sedang di dalam perancangan untuk meriliskan rilisan pertama mereka dan sedang giat berlatih lagu-lagu mereka selepas hibernasi selama beberapa tahun disebabkan oleh ahli bandnya yang sibuk dengan aktiviti band mereka sendiri. Walaupun anggotanya juga menggotai satu band lain yang sama namun di atas dasar ingin mencuba dan memberi nafas baru kepada old school dengan korus-korus sing-along yang bermesej political sarkasme, mereka sekali lagi bergabung di dalam pentas yang berlainan dengan mesej kembali keakar. Dianggotai oleh Dinx: vokalis. Nazierx: gitaris. Hafeez: drummer. Kontak: xxxdinxxx@hotmail.com

MY LOVELY AUTUMN. Selepas hampir bertahun tahun menyepi dengan masalah untuk mencari line up yang sesuai akhirnya peneraju utama band ini membuat keputusan untuk melahirkan sebuah demo simple dengan akar muzik utamanya iaitu emo dan penambahan eleman-eleman pop. Bersilih ganti anggota dan konsep namun akhirnya teman-teman emo ini mengambil keputusan untuk mencuba kehebatan emo pop ala Weezer, The Get up Kids dan For All The Drifters. Sudahpun mempunyai lagu-lagu sendiri Cuma masih tidak berkesempatan merakamkannya secara betul. Akustik emo yang kian mendapat tempat bagi penggemar penggemar emo Malaysia. Dianggotai oleh Nazierx: akustik gitar. Hafeez: akustik gitar, vokalis. Dinx: vokalis.

EPILEPTIC APHRODISIAC THROMBOSIS. Sebuah lagi band yang ingin membawa era pembaharuan di dalam scene Kota Bharu yang agak tipikal. Band ini membawa muzik pop noisegrind dengan lirik yang begitu sarkastik dan sinis. Pernah merakam beberapa buah lagu yang diselitkan sebagai bonus track di dalam rehearsal demo Ancaman. Bakal melahirkan rehearsal demo pertama mereka dalam jangka waktu terdekat. Walaupun agak baru ditubuhkan iaitu pada awal tahun 2002 oleh anak-anak muda yang cuba untuk berekspresi dengan naluri kebisingan manusia. Lagu-lagu yang agak sarkastikal dan emotif. Mungkin akan memasukkan ahli-ahli baru pada masa akan datang. Ura-ura mengatakan band ini juga mempunyai beberapa masalah dalaman. Dianggotai oleh Faisal: vokalis, Hafeez: gitaris dan vokalis. Dan Ayeh: drummer dan vokalis. Kontak: dwts82@yahoo.com

RIVERSIDE pada asalnya band ini menggunakan konsep emo ala Red Kedge namun selepas melakukan revolusi line-up yang drastic akhirnya perkabaran ia membawa muzik pop ke akar umbi. Mereka sedang sibuk melakukan latihan kerana ada ura ura yang mereka akan merakam beberapa buah lagu untuk rilisan pertama mereka. Kemungkinan konsep mereka agak ke-pop-an ala Coldplay. Dianggotai oleh Faizal: gitaris, Nasir: bassis. Ayeh: vokalis.

SAKURA one man band yang bakal menggegarkan. Konsep yang dibawa tidak dapat dipastikan namun pasti ia amat hebat.

GARAGE FLOWER sebuah lagi band pop yang dengar cerita akan merekodkan demo pertama mereka.

BATTALION OF SICKNESS (pop), **THE EMPOWERMENT** (street punk), **RED HEAD** (oi!), **BROKEN 14** (punk), **THE VICTIMS** (oi!), **THE KALUTS** (oi!), **THE CROACHES** (nu metal), **STATE OF MIND** (hc), **PARASITE NATION** (punkrock), **HEAD DOWN** (metal grunge), **COLOURS OF HER EYES** (pop), **THE PANIC** (oi!), **DAMN SELF LIFE** (modern rock), **LITTLE TERN** (nu metal), **THE BUSKERS** (oi!) adalah diantara band band hebat yang sayang sekali tidak diketahui samada sudah dibubarkan atau sudah tidak aktif ataupun masih bergiat secara aktif.

PAPAKERMA BUTAI dari sebuah pengedar bahan bacaan kecil-kecilan kepada sebuah distro dan label lengkap. Diasaskan pada awal 2000 dan kini melangkah maju kehadapan dengan tenaga-tenaga baru yang membolehkan Papakerma bakal menjadi salah satu di antara label DIY yang aktif dewasa ini. Orang-orang yang bertanggung jawab disebalik Papakerma Butai adalah Dinx, Nazierx, Firdausx yang mana ketiga-tiga ini merupakan anggota kumpulan Shabra Shatila (emo violence hardcore) dan Faisal yang menganggotai kumpulan Ancaman. Diantara projek-projek yang terbaru mereka adalah split rilis dengan Blank Citizen Records dalam menerbitkan End On End cd dan Phalanx Suffer ep. Kemungkinan besar akan menerbitkan semua band-band yang aktif dibawah Network of Solidarity Collective. Di samping menerbitkan rilisan-rilisan berbentuk audio, mereka juga aktif di dalam pengedaran bahan bacaan yang agak rare dewasa ini, di antaranya adalah edisi lengkap Cintakan Aman isu 1-10 yang agak sukar didapati dipasaran sekarang. Mereka boleh dihubungi melalui alamat emel papakermadistro@yahoo.com atau layari sahaja www.papakermabutai.cjb.net